

UTC beroperasi hingga jam 5 petang sepanjang Ramadan

Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pahang, di sini, akan beroperasi dari jam 8.30 pagi hingga 5 petang setiap hari sepanjang ramadan berkuat kuasa semalam.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Kuantan

(MPK) Izad Zainal Muhammad Safian berkata, sehubungan itu, orang ramai yang ingin berurusan perlu peka dengan operasi pusat berkenaan sepanjang bulan puasa.

“Sebarang pertanyaan

dan maklumat lanjut boleh menghubungi Seksyen Perhubungan Awam di talian 09 5121555 atau melayari laman sesawang MPK di www.mpk.gov.my.

“Kebiasaannya waktu operasi bermula jam 8.30 pagi hingga jam 10 malam

pada setiap hari iaitu Isnin hingga Ahad, tetapi bagi menghormati Ramadan, waktu operasi diubah dari jam 8.30 pagi hingga jam 5 petang bermula hari ini (semalam),” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

27/05/2017
Harian Metro